

# Kuktem penuhi bidang industri

Program ditawarkan mendapat pengiktirafan JPA, BEM bersesuaian keperluan perindustrian, automotif semasa khususnya di negeri Pantai Timur

Oleh Nurashiqin Omar

**B**IARPUN institusi pengajian tinggi awam (IPTA) ini masih muda dan baru bertapak dalam arena pendidikan tinggi, namun potensi serta pencapaian akademiknya mampu menyaingi kehebatan IPTA lain serta melahirkan ramai profesional dalam bidang kejuruteraan.

Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Kuktem), adalah satu nama baru dalam persada pengajian tinggi awam, namun barisan kepimpinannya ditunjangi kombinasi tenaga kerja berpengalaman serta cetusan idea baru daripada minda segar generasi muda.

Kolej ini memulakan operasi mendidik pelajar yang memilih kejuruteraan sebagai bidang kerja pada 16 Februari 2002 di sebuah kawasan perumahan di Indera Mahkota sebelum berpindah ke kampus utama di Gambang pada Mei 2003.

Kuktem menawarkan kursus pada pelbagai peringkat iaitu diploma, ijazah sarjana muda, sarjana dan kedoktoran.

Fokus utama kolej universiti berkenaan untuk menyahut seruan kerajaan dalam usaha membentuk seberapa banyak modal insan berkualiti dan menghasilkan golongan profesional dalam bidang kejuruteraan di negara ini.

Rektor Kuktem, Prof Datuk Dr Mohamed Said Mat Lela, berkata program yang ditawarkan IPTA itu bersesuaian dengan keperluan industri semasa khususnya yang ada di pantai timur seperti di kawasan Perindustrian Gebeng, Pahang; Perindustrian Paka di Terengganu; dan industri automotif di Pekan.

Malah, katanya, semua program pada peringkat diploma yang ditawarkan di Kuktem mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), manakala sebahagian program sarjana muda menerima pengiktirafan daripada Lembaga Akreditasi Kejuruteraan Malaysia (BEM).

"Pengiktirafan badan kejuruteraan dan JPA ini penting kerana melaluinya nasib pelajar Kuktem terjamin. Mereka boleh memohon pekerjaan tanpa ragu dengan atau swasta yang menawarkan pekerjaan dalam bidang kejuruteraan.



**“Kuktem sejak mula menggunakan pendekatan pendidikan yang lebih kepada unsur praktikal berbanding teori bagi mendedahkan persekitaran kerja”**

**Prof Dr Mohamed Said  
Mat Lela**  
Rektor Kuktem


## FAKTA NOMBOR

**3,000**

Jumlah penuntut di Kuktem

**45**

Program kejuruteraan



**SUSAHA GIGIH:** Sebahagian pelajar Kuktem melakukan kerja amali automotif di bengkel kejuruteraan yang serba lengkap.

"Pada tahun ini saja, Kuktem bakal melahirkan kumpulan graduan pertama kira-kira 300 pelajar pada konvokesyen yang dijadualkan Ogos akan datang dan 60 peratus daripada mereka sudah ditawarkan pekerjaan di lokasi praktikal masing-masing," katanya.

Beliau berkata, sejajar seruan kerajaan yang mahu memajukan bidang bioteknologi sebagai antara bidang utama dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9), Kuktem sentiasa berusaha memperkukuhkan keupayaan dalam pembangunan dan penyelidikan,

selain meningkatkan keupayaan saintifik serta inovasi.

Ia terbukti dengan kejayaan IPTA itu dalam beberapa pameran bukan saja pada peringkat kebangsaan, malah mencatat kehebatan pada peringkat antarabangsa dengan memenangi beberapa anugerah berprestij antaranya perak dan gangsa bagi tiga penyertaan di Pameran Geneva International Fair 2006 di Switzerland, baru-baru ini.

Selain itu, Kuktem turut mempamer kehebatan apabila menang dua pingat

emas, lima perak dan empat gangsa dalam Pameran Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) IPTA 2005 serta memenangi satu pingat emas, satu perak dan dua gangsa pada penyertaan di Pameran Bioteknologi Asia 2005.

Kecemerlangan Kuktem dalam tempoh yang singkat itu mencuri perhatian Kerajaan Pahang lalu melantik IPTA itu sebagai penasihat dan perunding bagi merangka pelan dasar Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Pahang selain bertindak sebagai agensi peneraju projek Industri Teknologi di negeri ini.

Kuktem turut membentuk kerjasama dengan beberapa IPT di luar negara termasuk United Kingdom, Jerman, Australia, New Zealand, Indonesia, Thailand dan Korea Selatan dalam usaha menjadikan institusi itu sebagai sebuah universiti teknikal bertaraf antarabangsa disegani dunia.

Prof Dr Mohamed Said berkata, Kuktem turut merangka rancangan memajukan sektor pertanian menerusi kajian terhadap beberapa produk tumbuhan seperti halia dan vanila menggunakan teknologi daripada kejuruteraan kimia.